

BULETIN

# HORIZON

EDISI 12

# 1006

GRADUAN KUIS

TERIMA IJAZAH DAN DIPLOMA DI  
MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-19

Program  
Usrah  
bersama  
**Ustaz DON**

Majlis  
Anugerah  
Perkhidmatan  
**Cemerlang**

# Zulhizzam Hamzah dan Transformasi Budaya Kerja

Etika Komunikasi  
**ISLAM**

# Tinta Pengarang

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Alhamdulillah, syutur kepada Allah SWT kerana Buletin Horizon edisi ke-12 berjaya disiapkan.

Selamat menyambut tahun Hijrah 1438 kepada seluruh warga KUIS. Kehadirannya membuka lembaran baharu untuk semua warga KUIS memperbaharui azam dan tekad kecemerlangan yang jitu. Semoga KUIS bertambah maju dan kekal berdaya saing sepanjang tahun ini.

Bertepatan dengan azam tahun baharu, penerbitan kali ini memberikan tumpuan kepada transformasi budaya kerja warga KUIS. Pendaftar KUIS, En. Zulhizzam Hamzah telah menghuraikan bentuk budaya kerja yang perlu diterapkan dan dihayati dengan ikhlas oleh semua warga KUIS. Adalah diharapkan semua warga KUIS dipelbagai peringkat jawatan dan perkhidmatan dapat bersama-sama menyokong transformasi budaya kerja ini.

Selanjutnya, berita berkaitan peristiwa yang telah berlaku dalam dan luar KUIS disediakan untuk tatapan pembaca. Antaranya, majlis mini kolokium dan menandatangani MoA diantara KUIS dengan Ilma IPT, majlis anugerah perkhidmatan cemerlang (APC) 2015 KUIS, majlis konvokesyen KUIS kali ke-19, syarahan umum anjuran IRCIFF-IRTI dan banyak lagi.

Akhir sekali, sidang pengarang mengambil kesempatan disini untuk mencadangkan agar semua fakulti dan bahagian di KUIS dapat bekerjasama menyalurkan berita serta gambar aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan secara berterusan. Kerjasama dari semua fakulti dan bahagian akan membolehkan maklumat mengenai KUIS dapat disebarluaskan kepada masyarakat umum melalui buletin ini.

Selamat membaca.

Mokhtar Ismail

## SIDANG PENGARANG

### Penaung

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

### Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

### Editor

Mokhtar Ismail

Ani Abd Jalil

### Wartawan

Zulhizzam Hamzah

Norizah Othman

Rahmahtunnisah Sallin

Mudzirah Aishah Pawanteh

Nurhayati Surip

Muhammad Firdaus

Halim Mokhtar

Arhaezze Halimi

Farahnaz Mohd Khalib

### Perunding Grafik

Shahrizam Azmeer B. Mohamad

### Pembaca Pruf

Mudzirah Aishah Pawanteh

Rozlawati Saadin

Zainun Ab Rahman

Sidang Pengarang menjemput semua kakitangan KUIS yang berminat dan berkebolehan menulis berita, maklumat dan sebagainya berkaitan KUIS untuk menghantar penulisan masing-masing kepada Buletin Horizon bagi diterbitkan dalam keluaran akan datang. Penulisan boleh di emel ke info@kuis.edu.my . Semoga perkongsian maklumat ini menjadikan kita warga prihatin kepada perkembangan KUIS.

# TRANSFORMASI BUDAYA KERJA

## Pendahuluan

Budaya kerja boleh ditakrifkan sebagai cara bekerja yang merangkumi pelbagai perkara yang diperlukan di dalam mencapai matlamat organisasi. Budaya kerja di dalam organisasi biasanya dikaitkan dengan nilai, etika, integriti, disiplin, komitmen, cara berfikir dan bertindak seseorang pekerja. Apa jua nilai baik yang dijadikan budaya dan etika kerja adalah amat dituntut dalam Islam bagi memastikan syariat terlaksana dengan baik. Islam menyatakan bahawa bekerja adalah suatu ibadah justeru kita seharusnya berusaha gigih di dalam melaksanakan tuntutan agama ini. Firman Allah SWT:

وَقُلْ أَغْنِلُوا فِتْيَرَى اللَّهِ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ  
وَسَتُرَدُونَ إِلَى عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهادَةِ فَيُبَيَّنُكُمْ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

*"Dan katakanlah, berkerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan." (At-Taubah, 105)*

Firman Allah "Bekerjalah" merujuk kepada semua jenis pekerjaan. Selain daripada suruhan bekerja ini, ia dilikti dengan pemantauan dan pengawasan daripada Allah, Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman. Oleh yang demikian, seseorang muslim tidak akan tergemark bekerja secara malas dan khianat kepada organisasinya kerana mengetahui bahwa dirinya akan dikembalikan kepada Allah pada Hari Akhirat dan Allah akan mengkhabarkan budaya kerjanya di mahkamah Padang Mahsyar kelak. Maka di dalam tulisan yang serba ringkas ini, ingin saya kongsikan beberapa ciri budaya kerja cemerlang agar diri saya dan pembaca semua lulus cemerlang di dalam pemantauan di dunia dan pengadilan di Akhirat kelak.

## Bekerja Secara Serius

Bersungguh-sungguh dalam bekerja dengan tujuan mendapatkan keredaan Allah sebagai prioriti pertama. Prinsip kesungguhan hendaklah menjadi landasan kepada falsafah bekerja bagi memungkinkan penghasilan dan produktiviti kerja sentiasa meningkat.

*"Jika gaji kita RM5,000.00 tapi kita kerja kuat seperti orang gaji RM20,000.00. Allah swt akan berikan beza RM15,000 itu sama ada dalam bentuk wang, anak soleh, hidup bahagia atau lain-lain."*  
*[Ustaz Don Daniyal Don Biyajid]*

## Integriti

Secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu di dalam diri individu dan organisasi. Menurut Institut Integriti Malaysia (IIM), integriti adalah perihal sifat individu dan organisasi yang sempurna berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana. Semua pegawai patut melaksanakan tugas dengan komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai integriti dalam setiap tindakan dalam mencapai kecemerlangan organisasi. Ini turut merangkumi integriti dalam menepati waktu, integriti dalam memberi perkhidmatan terbaik, integriti dalam berhubung dengan ketua jabatan dan rakan sekerja.

*"Melaksanakan amanah dan kewaspadaan yang diberikan untuk kepentingan umum. Tidak disalahgunakan untuk kepentingan diri. Memberikan keutamaan kepada kepentingan awam apabila berlaku konflik."*  
*[Pelan Integriti Nasional]*

## Disiplin

Disiplin harus diterapkan pekerja dalam beberapa aspek iaitu disiplin waktu, disiplin kerja agar dilaksanakan dengan konsisten, disiplin menjaga kualiti, disiplin dalam berkomunikasi dan akhirnya disiplin untuk memberikan hasil yang terbaik. Adalah menjadi hak majikan untuk mendisiplinkan pekerja dalam usaha untuk mendapatkan hasil kerja yang efisien dan berkualiti.

*"Disiplin adalah satu sikap, perilaku dan perbuatan yang sesuai dengan peraturan, baik tertulis maupun tidak tertulis."*

*[Alek S.Nitisemita, Penulis Indonesia]*

### Kerjasama

Melalui kerjasama, organisasi dapat meningkatkan hasil tanpa meningkatkan sumber kerana kerjasama melibatkan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dapat menghasilkan prestasi kerja yang lebih tinggi berbanding jika dilakukan secara bersendirian. Nilai-nilai utama di dalam budaya bekerjasama termasuklah memegang matlamat yang sama, saling percaya-mempercayai, berkongsi idea, bantu-membantu, bertolak-ansur dan bermusyarakah. Islam turut mendidik ummatnya supaya bekerja secara muafakat dan berpasukan. Semangat ini jika dihayati secara sepenuhnya akan mampu meningkatkan prestasi kerja organisasi secara keseluruhannya.

"Bukankah dengan demikian menjadi jelas bagi kita bahawa menerima perbedaan pendapat dan asal muasal bukanlah tanda kelemahan, melainkan menunjukkan kekuatan."

[Abdurrahman Wahid, Mantan Presiden Indonesia]

### Penutup

Dalam usaha mentransformasi budaya kerja, pekerja haruslah bergerak di atas landasan yang betul iaitu sentiasa komited, berprestasi tinggi, bersedia menerima perubahan dan tidak membantaskan diri untuk menjadi cemerlang. Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas kepada peningkatan produktiviti organisasi. Semoga warga KUIS sama-sama berlitzam untuk terus maju di dalam melaksanakan transformasi diri dan organisasi ke arah kecemerlangan demi memperoleh keberkatan dari Allah S.W.T.

Ditulis oleh

Zulhizzam  
Hamzah



# Majlis Mini Kolokium dan Menandatangani MoA



Bergambar bersama ahli Majlis mini Kolokium

Suatu majlis Mini Kolokium dan Menandatangani Memorandum Kerjasama (MoA) telah berlangsung dengan jayanya pada tanggal 4 Ogos 2016 bersamaan 1 Zulkaedah 1437H di Dewan Senat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Memorandum kerjasama ini adalah di antara lima buah institusi pengajian tinggi Islam iaitu Universiti Islam Sultan Azlan Shah (USAS), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAP) dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) dengan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sebagai tuan rumah. Tiga lagi memorandum bersama Kolej Universiti Islam Perlis (KUIP), Kolej Universiti Islam Insaniah (KUIN) dan Maktab Pengajian Islam (MARSAH) akan ditandatangani dalam suatu majlis yang berasingan kelak.

Perjanjian ini dimeterai hasil daripada kerjasama yang wujud melibatkan kesemua lapan institusi pengajian tinggi Islam seluruh Malaysia melalui penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Inovasi KUIS (GPIK) peringkat pertengahan (GPM/20005029) yang bertajuk 'Institusi Pengajian Tinggi Islam: Peranan dalam Menyempurnakan Akhlak'. Kajian yang ditanggung sepenuhnya oleh KUIS yang bermula pada 1 Jun 2015 ini bakal berakhir pada 31 Ogos 2016 dan kini sedang melalui fasa penyediaan laporan akhir.

Kajian ini telah berjaya menghimpuangkan beberapa elemen dalam menyempurnakan akhlak pelajar hasil dapatan yang diperoleh berdasarkan kerjasama oleh kesembilan-sembilan IPT Islam termasuk KUIS. Program khidmat masyarakat, peranan masjid atau pusat Islam, keusahawanan dan jalinan industri telah dikenal pasti sebagai antara elemen terpenting selain disiplin yang sentiasa menjadi penekanan. Kesemua pendekatan dan tindakan yang diterapkan oleh setiap IPT adalah berpandukan kepada hala tuju yang sama iaitu bagi mencapai keseimbangan jasmani dan rohani berteraskan Al-Quran dan al-Sunah seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Hasil daripada perbincangan meja bulat bersama, suatu keseragaman perlu dicapai dan disyorkan kepada pengurusan IPT agar boleh diambil suatu tindakan segera demi menyempurnakan akhlak pelajar dengan lebih berkesan dan bermakna iaitu:

- i. keseragaman rubrik dalam mengukur dan menilai keberkesanannya sesuatu program khidmat masyarakat. Penyelarasannya daripada aspek jam kredit bagi subjek yang terlibat perlu dilakukan.
- ii. Masjid sebagai qalbu pendidikan iaitu konsep 'memasjidkan universiti' dengan mengembangkan peranan masjid pada tahap yang paling maksimum melalui penglibatan semua warga kampus.

iii. Program keusahawanan yang melibatkan penilaian yang seragam berserta keterlibatan pihak tertentu seperti MARA, Yayasan ANCKASA, Kementerian Kewangan dan lain-lain daripada segi sumbangan dana yang boleh dijadikan modal kepada pelajar memulakan perniagaan.

iv. Latihan industri perlu diwajibkan kepada pelajar peringkat ijazah sarjana muda (tidak diperlukan bagi pelajar diploma) dengan menyediakan struktur penilaian dan perjalanan yang seragam bagi semua IPT. Pandangan daripada pihak majikan perlu diperoleh bagi mengenal pasti keperluan mereka terhadap pelajar sebagai memenuhi kehendak pasaran.

Hasil penyelidikan ini pastinya berguna kepada pihak pengurusan setiap IPT termasuknya dalam merangka strategi pada masa akan datang demi menyempurnakan akhlak pelajar. Maklumat ini juga penting kepada pihak tertentu seperti pembuat dasar di Kementerian Pendidikan Malaysia serta ahli pendidik yang terdiri daripada guru, pensyarah, kaunselor, penyelidik berkaitan, pakar falsafah dan perwakilan pelajar.

Oleh itu suatu seminar peringkat kebangsaan telah dicadangkan bagi menghimpunkan kertas kerja berkaitan penyempurnaan akhlak pelajar demi kepentingan bersama. Namun perjanjian persefahaman melalui memorandum kerjasama (MoA) perlu ditandatangani bagi menunaikan hasrat bersama dalam penganjuran seminar mengikut terma tertentu. Maka hasilnya adalah majlis ini yang berjaya menghimpunkan hampir kesemua pengurusan tertinggi di bawah satu bumbung iaitu KUIS bagi tujuan tersebut.

USAS diwakili oleh Prof. Dato' Dr Wan Sabri Wan Yusof selaku Timbalan Rektor Akademik dan Hal Ehwal Pelajar serta Ir Dr Ahmad Faizul Sulaiman selaku wakil penyelidik merangkap Pengarah Bangunan Penyelidikan USAS. KIAS pula diwakili oleh Puan Nur Aminah Fauzi dan Cik Farhanim Leman manakala KUIM diwakili oleh Prof Madya Dr Mohd Fadzil Hj Mohd Idris dan Encik Ab Wahid Sulaiman.

KUIPSAS pula diwakili oleh YBHG Rektor Dato' Hj Yahya Zainal Abidin berserta Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar Dr Sharafudin Aisa Othman, Tuan Rosli Omar wakil RMC dan En Mohd Jaffri Abdul Rani selaku wakil penyelidik. KITAB turut diwakili oleh YBHG, Prof. Madya Dr Hj Ismail Mat dan En Hazrul Affendi Mond Razali manakala KUIP menghantar wakilnya Dr Syarifah Fairuz Syed Radzuan selaku wakil penyelidik.

KUIS diwakili oleh YBHG, Prof. Dato' Dr Ab Halim Tamuri selaku Rektor dan Dr Hj Mohd Farid Ravi Abdullah selaku Pengarah RMC. Majlis yang dianjurkan ini oleh kumpulan penyelidikan yang diketuai oleh Dr. Norziah Othman ini diharap agar dapat memberikan manfaat kepada semua pihak secara langsung dan tidak langsung demi menyempurnakan akhlak pelajar. Ahli kumpulan penyelidikan ini meliputi semua fakulti iaitu Dr. Nor 'Adha Abd. Hamid (FPM), Rahmahtunnisah Sailin (FPM), Dr. Nurkhaltiza Khalid (FSTM), Mohd Farok Mat Nor (FPPI) dan Abd. Hadi Awang (P. Asasi).

Ditulis Oleh: Norziah Othman & Rahmahtunnisah Sailin



Penyerahan Perjanjian MOA



Bersama Pengurusan KUIS



Sesi menandatangani MOA

# ETIKA KOMUNIKASI ISLAM

Islam menitikberatkan amalan kata-kata yang baik dan berhemah untuk menjaga hubungan sesama manusia dan untuk menjaga ukhwah umat Islam. Lontarun kata-kata kesat boleh menyebabkan percaduhan dan dendam.

Dalam ayat 83 surah al-Baqarah yang bermaksud;

“...berbuat baiklah kepada kedua orang tua, kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan bertutur katalah yang baik kepada manusia...”

Orang Islam dituntut mengeluarkan kata-kata yang baik walaupun kepada musuh sendiri. Seruan suci Allah s.w.t ini dapat dilihat dalam ayat 43-44 surah Taha, apabila Allah s.w.t menitahkan Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s berjumpa dengan Firaun.

“Pergilah kamu berdua kepada Firaun kerana dia telah benar-benar melampaui batas; maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia sedar atau takut.”

Pendirian Islam dalam menjaga adab peruturan diperkuatkan lagi apabila Allah menyeru umat Islam supaya mengeluarkan kata-kata berhemah dengan musuh sendiri. Fungsinya antara lain adalah sebagai pemudahcara dalam menyelesaikan konflik dengan musuh. Secara tidak langsung, sikap berlembut dengan musuh boleh dijadikan sebagai medium dakwah yang berkesan. Mudah-mudahan musuh-musuh Islam tertarik untuk mengenali agama Islam melalui sikap dan tutur kata yang baik itu.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Berbicaralah kepada manusia menurut kadar kemampuan akal mereka masing-masing.” (Hadis riwayat Muslim)

Maksud tersirat ialah budaya menegur amalan baik dan praktikal tetapi mesti dilakukan secara lembut, penuh kebijaksan-aaan dan bijak membaca suasana persekitaran dengan mengambil kira keadaan serta kedudukan masyarakat itu sendiri.

Setiap individu mempunyai perbezaan cara berfikir, mengeluarkan pendapat dan memberi pandangan dalam menangani pelbagai isu. Perbezaan ini akan mencambahkan ilmu yang membantu menghadapi cabaran kehidupan.

Ada tiga perkara asas yang menjadi garis panduan dalam memberi teguran kepada seseorang. Tujuannya untuk mempertahankan ukhuwah supaya tidak menjadi musuh.

Pertama, teguran tidak menghina dan merjatuhkan maruahnya, keduanya mencari masa dan ruang bersesuaian serta ketiga, memahami kedudukan orang ditegur dalam konteks kelapangan, keselesaan serta bebas tekanan emosi.

Jika dengan Firaun pun Allah perintahkan rabi berekspresi lemah lembut, apatah lagi kita sesama Islam. Islam tidak suka kita berekspresi atau berhujah semata-mata mengikut perasaan terpendam.

Jika memaksa orang lain berhenti melakukan kejahatan nescaya lebih banyak kejahatan dilakukannya. Sebaliknya ajaklah orang itu memulakan kerja kebaikan walaupun sedikit kerana yang sedikit akan menjadi kebiasaan yang membunuh sifat buruknya.

Ditulis Oleh:  
Mudzirah Aishah  
MARCOM



## PROGRAM USRAH PELAJAR ANTARABANGSA BERSAMA USTAZ DON



Bergamabr bersama Ustaz Don dan Pelajar Antarabangsa Perempuan

**Program Usrah Bersama Ustaz Don** adalah merupakan salah satu aktiviti yang telah disusun oleh Seksyen Pengantarabangsaan, Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK) untuk pembangunan pelajar anatarabangsa. Program tersebut telah diadakan pada 17 Jun 2016 (Jumaat) pukul 3.00 petang di Dewan Senat, KUIS.

Sermai 35 orang pelajar antarabangsa selah mengikuti program tersebut. Antara objektif program adalah untuk memberi pengisian rohani sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak kepada semua pelajar antarabangsa yang terlibat.  
Ditulis oleh : Ummi Arissa sofia



Tazkirah daripda Ustaz Don mengenai Ramdan



Bergamabr bersama Ustaz Don dan Pelajar Antarabangsa Lelaki

# PAHLAWAN KUIS SERTAI PERBARISAN KEMERDEKAAN KE 59



Perarakan Pahlawan Melayu Kontinjen KUIS meraiki tempat ke 4.

30 Ogos 2016, Shah Alam - Sambutan Hari Kemerdekaan peringkat Selangor berlangsung meriah dengan kehadiran lebih 10,000 rakyat bertempsat di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam. Pelbagai acara disajikan antaranya persembahan tarian kebudayaan dan perarakan perbarisan 63 kontinjen daripada pelbagai agensi kerajaan, pasukan keselamatan dan NGO.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menyertai Perbarisan Sambutan Kemerdekaan ke - 59 Peringkat Negeri Selangor yang diketuai Encik Muhammad Firdaus b. Haris bersama 41 mahasiswa ahli Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia (PSSGM). Dengan semangat Selangorku Sehati Sejiwa dan bertemakan Pahlawan Melayu Kontinjen KUIS berjaya meraih tempat ke 4 dalam kategori Badan Berkanun. Tahniah kepada Kontinjen KUIS.



Encik Muhammad Firdaus b. Haris bersama 41 mahasiswa ahli Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia (PSSGM).



# Program Khidmat Ummah Iftar Ramadhan

Kampung Bahar Lanjut – 28 Jun – Program Khidmat Ummah yang dijalankan pada 28 Jun 2016, untuk membantu anak-anak yatim dan berbuka puasa bersama-sama anak-anak yatim. Program ini disasarkan khas untuk golongan anak-anak yatim Baitul Barokah Wal Mahabbah di Jalan Haji Borhan, Kampung Bahar Lanjut, Sepang.

Perlaksanaan Program Khidmat Ummah ini melibatkan 18 pegawai BPK dan 10 pelajar KUIS secara sukarela untuk membantu 101 anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut. Tujuan perlaksanaan Program Khidmat Ummah ialah untuk membantu anak-anak yatim untuk mengurangkan beban hidup mereka dari pelbagai aspek, agar anak-anak yatim ini berasa lebih senang dan tidak merasakan mereka disisihkan oleh masyarakat. Program ini juga dianjurkan oleh pihak BPK untuk membantu serta menyalurkan bantuan dan sumbangan kepada golongan anak yatim yang menghadapi masalah dari segi makanan, pakaian, ataupun kewangan. Untuk menceriakan lagi anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut, pihak KUIS menyambut Ramadhan dengan berbuka puasa bersama. Selepas habis berbuka puasa bersama-sama anak-anak yatim, pihak KUIS juga membuat solat terawih di rumah anak-anak yatim tersebut. Dalam membantu anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut ini, pihak KUIS mengambil kesempatan untuk mempromosikan KUIS kepada semua yang berada di rumah anak yatim tersebut.

Dengan ini, pihak KUIS mengharapkan dengan sedikit sumbangan yang diberikan mampu untuk meringankan beban anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut, Sepang. Program Khidmat Ummah ini berjalan dengan lancar dan diakhiri dengan sesi fotografi. Semoga program sebegini sentiasa didalam rahmat dan keredhaan Allah SWT. Ameen.

Ditulis Oleh :  
Arhaezze Halimi  
MARCOM



Warga MARCOM berbuka puasa bersama pelajar di Baitul Barokah Wal Mahabbah



Persediaan sumbangan maklumat kepada Pihak MARCOM



Berbuka dengan pelbagai kuih muih dan pelbagai makanan yang disumbangkan oleh NGO lain juga.



Program Latihan di dalam kumpulan LDK yang diketuai oleh Pelajar MPP KUIS





# Majlis Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG 2015

25 OGOS 2016

CYBERJAYA, 25 OGOS: Seramai 111 pegawai Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah diraikan di dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2015. Pengurusan KUIS telah berbesar hati menyampaikan 4 anugerah kepada pegawai KUIS iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Khidmat Emas (AKE), Anugerah Khidmat Setia (AKS) dan Anugerah Hadiah PhD.

Seramai 44 penerima telah dipilih bagi menerima APC, 32 penerima telah memenuhi kriteria AKE iaitu berkhidmat genap 15 tahun, 21 penerima memenuhi kriteria AKS iaitu berkhidmat genap 10 tahun dan 14 penerima layak untuk Anugerah Hadiah PhD atas kejayaan menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Rektor KUIS, Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, berkata Majlis APC merupakan satu acara tahunan yang diadakan setiap tahun sebagai satu wadah pengiktirafan KUIS kepada Pegawai yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Ia juga bertujuan untuk memperkasa hubungan ukhuwah di antara pihak Pengurusan serta warga KUIS bagi membentuk dan mencapai semangat KUIS MILIK KITA BERSAMA.

"Saya berharap seluruh warga terutamanya semua penerima anugerah dapat mengekalkan kecemerlangan dan memacu gagasan KUIS ke arah UNIVERSITI PENUH," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ucapan perasmian Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KUIS bagi tahun 2015 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, hari ini.

Hadir sama, semua barisan Pengurusan KUIS, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian bagi meraikan pegawai yang telah berkhidmat dengan cemerlang dan menyumbang khidmat bakti kepada Fakulti dan Jabatan di KUIS.

Dalam pada itu Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri turut merakamkan ucapan TAHNIAH kepada semua pegawai yang telah mencapai kejayaan dan pelbagai anugerah sepanjang tahun 2015 dan 2016 seperti Dr. Md. Noor bin Hussin yang dinobatkan sebagai Tokoh Ulama Muda bagi Tokoh Anak Muda Kelantan (AMaL) 2015 dari Kerajaan Negeri Kelantan, Dr. Mohd Farid Ravi Abdulah yang dianugerahkan dengan Anugerah Khas Imam Al-Ghazali sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1437 hijrah peringkat Negeri Selangor dan Encik Mislan Sabri yang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K), Pingat Negeri Selangor sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-70 Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Tahun 2015 dan lain-lain kejayaan yang telah dicapai oleh seluruh warga KUIS.


Ditulis Oleh :  
Halim Mokhtar



# Penyampaian Cenderahati PERKIS semperna Hari Raya



Sekitar edaran Cenderahati, Hari Lahir dan Hari Raya kepada semua ahli PERKIS.



Persatuan Kakitangan Pentadbiran KUIS (PERKIS) telah membuat edaran Cenderahati Hari Lahir dan Hari Raya kepada semua ahli PERKIS pada 15-16 Jun 2016 (Rabu-Khamis) bagi menghargai semua ahli PERKIS yang dikasihi.

Barisan Pengurusan KUIS juga turut menerima cenderahati Hari Raya PERKIS 2016 bagi menghargai mereka yang sentiasa memberikan sokongan kepada PERKIS. Alhamdulillah edaran cenderahati tersebut berjalan dengan lancar.

# Program Khidmat Ummah Iftar Ramadhan

Kampung Bahar Lanjut – 28 Jun – Program Khidmat Ummah yang dijalankan pada 28 Jun 2016, untuk membantu anak-anak yatim dan berbuka puasa bersama-sama anak-anak yatim. Program ini disasarkan khas untuk golongan anak-anak yatim Baitul Barokah Wal Mahabbah di Jalan Haji Borhan, Kampung Bahar Lanjut, Sepang.

Perlaksanaan Program Khidmat Ummah ini melibatkan 18 pegawai BPK dan 10 pelajar KUIS secara sukarela untuk membantu 101 anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut. Tujuan perlaksanaan Program Khidmat Ummah ialah untuk membantu anak-anak yatim untuk mengurangkan beban hidup mereka dari pelbagai aspek, agar anak-anak yatim ini berasa lebih senang dan tidak merasakan mereka disisihkan oleh masyarakat. Program ini juga dianjurkan oleh pihak BPK untuk membantu serta menyalurkan bantuan dan sumbangan kepada golongan anak-anak yatim yang menghadapi masalah dari segi makanan, pakaian, ataupun kewangan. Untuk menceriakan lagi anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut, pihak KUIS menyambut Ramadhan dengan berbuka puasa bersama. Selepas habis berbuka puasa bersama-sama anak-anak yatim, pihak KUIS juga membuat solat terawih di rumah anak-anak yatim tersebut. Dalam membantu anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut ini, pihak KUIS mengambil kesempatan untuk mempromosikan KUIS kepada semua yang berada di rumah anak-anak yatim tersebut.

Dengan ini, pihak KUIS mengharapkan dengan sedikit sumbangan yang diberikan mampu untuk meringankan beban anak-anak yatim di Kampung Bahar Lanjut, Sepang. Program Khidmat Ummah ini berjalan dengan lancar dan diakhiri dengan sesi fotografi. Semoga program sebegini sentiasa didalam rahmat dan kerendahan Allah SWT. Ameen.

Arhaezze Halimi  
MARCOM



Warga MARCOM berbuka puasa bersama pelajar di Baitul Barokah Wal Mahabbah



Periayedaan sumbangan makandan kepada Pihak MARCOM



Berbuka dengan pembagian makanan dan perbagai makanan yang disumbang oleh NGO lain juga.



Program Latihan di dalam kumpulan LDK yang diketuai oleh Pelajar MPP KUIS



# PERTANDINGAN MEMASAK KETUK-KETUK PERKIS

Program Pertandingan Memasak Ketuk-ketuk PERKIS telah diadakan pada 27 Mei 2016 (Jumaat) pukul 3.00 petang bertempat di Café Tepi Tasik KUIS. Sebanyak sembilan (9) kumpulan telah menyertai pertandingan tersebut yang diwakili oleh ahli-ahli PERKIS dan satu kumpulan wakil dari KOKUIS.

Tujuan pertandingan tersebut diadakan adalah merupakan salah satu aktiviti tahunan yang telah dirancang oleh Exco PERKIS bagi mergeratkan hubungan silaturahim antara ahli PERKIS. Pertandingan tersebut telah dimulakan dengan demo masakan dari Tembalan Rektor Pembangunan Korporat dan Pengantara-bangsaan iaitu Dr. Zulkifli Abdul Hamid.

Johan pertandingan ini telah dimenangi oleh kumpulan Kuzhine Mama yang diwakili Puan Nor Hazreen Abdul Rani dan Puan Nor Fazilah Mohd Salleh. Naib Johan pula dimenangi oleh kumpulan Pedas-pedas Manis yang diwakili Puan Sahlawati Elias dan Puan Zainun Ab. Rahman manakala tempat ketiga telah dimenangi oleh kumpulan Kiamhang Bertaut yang diwakili oleh Puan Ani Jatil dan Puan Mudzirah Aishah Pawanteh.

Barisan juri pertandingan tersebut terdiri daripada Pengurusan KUIS.

Ditulis oleh -Ummi Arissa Sofia-



Dr. Zul Pengurusan memulakan masakan sebagai permula pertandingan.



Antara masakan yang diperlombakan



Pengurusan KUIS menjadi juri dari penilaian masakan



Antara peserta ketuk ketuk Perkis yang bertanding bersama pengurusan KUIS

MAJLIS

*Sambutan Hari Raya Aidilfitri*

PERHIMPUNAN BULANAN PERINGKAT KUIS



Sekitar Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri  
dan Perhimpunan Bulanan KUIS

# 2016 QUARTERLY ISLAMIC FINANCE PUBLIC LECTURE IRCIEF-IRTI

## Way Forward to Waqf University

International Research Centre for Islamic Economics and Finance (IRCIEF) in collaboration with Islamic Research and Training Institute (IRTI) of Islamic Development Bank (IDB) had organized the 2016 Quarterly Islamic Finance Public Lecture IRCIEF-IRTI on 11 August 2016 at Auditorium Dr. Zainuddin Jaffar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). The event was attended by more than 400 participants from various institutions of higher learning, representatives from Islamic financial institutions, government officials, and students. This event has marked its own history where the fifth Prime Minister of Malaysia, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi was the guest of honour, who stepped foot in KUIS for the first time.

The public lecture entitled "Way Forward to Waqf University" was delivered by Tan Sri Muhammad Ali bin Hashim, the President of Dewan Perniagaan Islam Malaysia cum Pengasas Waqaf An-Nur Corporation Bhd. He is also the founder of Awqaf Corporation who previously held the position of Chief Executive Officer of Johor Corporation.

The main objective of the event was to highlight KUIS aspiration in achieving waqf university status. It was also to inform the audience on the efforts made so far as well as the future plans in making the aspiration a success.

The program began with the recitation of du'a led by Ustaz Nushi Mahfodz followed by an opening speech by Yang Berbahagia Encik Abu Bakar Yang, the CEO of Perbadanan Waqaf Selangor. Among the attendees from the KUIS management team were Dr Zulkifli Abd Hamid, (Deputy Rector of Corporate Management (Development and Internalization); Dr. Mokmin Basri, Deputy Rector (Student Development and Alumni); En. Zulhizzam Hamzah, Registrar and Pn. Nor Hafizin Abdul Wahab, Treasurer.

Prepared by:  
Farahnaz Mohd Khalib  
IRCIEF  
12 August 2016



The Arrival the guest of honour Tun Abdullah Ahmad Badawi the fifth Prime Minister of Malaysia



KUIS management accompany Tun Abdullah Ahmad Badawi to the hall



Tan Sri Muhammad Ali bin Hashim, the President of Dewan Perniagaan Islam Malaysia



Giving gifts to Tun Abdullah Ahmad Badawi



Posing with KUIS Management and Tun Abdullah Badawi

# MAJLIS KONVOKESYEN

PUSAT KONVENTSYEN KUIS | 13 OGOS 2016

## KALI KE 19



Dato' Menteri Besar Selangor YAB Dato' Sri Mohamed Azmin Bin Ali bersama barisan Pengurusan KUIS dan penyerahan sijil kepada Graduan KUIS



BANDAR SERI PUTRA, 13 Ogos – Majlis Konvokesyen ke-19 KUIS 2016 berlangsung dengan penuh gemilang pada 13 Ogos 2016 dengan menyaksikan 1006 graduan telah menerima penganugerahan di peringkat Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dalam pelbagai bidang pengajian.

Majlis Konvokesyen telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor YAB Dato' Sri Mohamed Azmin Bin Ali merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah KUIS. Dalam majlis tersebut, YAB Dato Sri Muhammad Azmin Ali mengucapkan tahniah atas kejayaan yang dicapai oleh para graduan. Beliau juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai akademik dan seluruh warga kerja KUIS atas berkat usaha dan kesungguhan dalam melahirkan para graduan yang berkualiti dan berjaya meletakkan KUIS sebagai Institusi Pengajian Tinggi pilihan dengan peningkatan kemasukan jumlah pelajar sebanyak 200% iaitu daripada 3500 pelajar kepada 9350 pelajar.

Majlis Konvokesyen kali yang ke 19 dimeriahkan lagi dengan penglibatan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang terdiri kepada 10 IPTS seluruh Malaysia, 6 IPTA seluruh Malaysia dan juga 3 Universiti dari luar negara antaranya Universiti Sultan Syarif Ali Brunei Darulssalam.

Pada Sidang Kedua Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, YAD Dato' Setia Hj Mohamad Adzib bin Mohd Isa telah menyampaikan Diploma kepada graduan KUIS. Dalam ucapan beliau menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Selangor akan terus komited dan memberikan sokongan bagi memastikan KUIS menjadi sebuah Universiti wakaf dan terus konsisten menyantuni legasi DYMM Sultan Selangor.

# 1006 GRADUAN KUIS TERIMA IJAZAH DAN DIPLOMA DI MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-19

Rektor KUIS YBhg Prof Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri berkata komitmen daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor telah berjaya membangunkan KUIS sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang berkualiti. Kini KUIS telah menyediakan 72 program pengajian di peringkat Asasi, Diploma, Ijazah dan Pasca Siswazah memenuhi tanggungjawab ummah melahirkan graduan sebagai Dai, Ulama dan Umara.

Dalam Majlis konvokesyen tersebut, enam graduan KUIS telah dianugerahkan sebagai pelajar terbaik iaitu Anugerah DYMM Sultan Selangor kepada Saudara Ahmad Walid bin Shahbudin, Anugerah Dato Menteri Besar Selangor kepada Saudari Ainur Arifah binti Mohd Noor, Anugerah Exco Kerajaan Negeri Selangor kepada Saudari Nik Fajarizura binti Nik Sinhuddin, Anugerah Rektor KUIS kepada Saudari Nurdiana Safiah binti Kamaruzzaman, Anugerah Kepimpinan Siswa kepada Saudara Muhammad Afif Afnan bin Mohd Fadli dan Saudari Nurthaqaffah binti Nordin untuk Anugerah kepimpinan Siswi.

Turut hadir pada majlis tersebut Exco Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Dr. Ahmad Yunus Hairi, YB Tuan Nik Najmi Nik Ahmad, Timbalan Speaker YB Haji Shafie bin Ngah, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor Dato' Bakhtiar Bin Hussin, YAA Ketua Hakim Syarie Selangor Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar dan jemputan daripada 20 wakil Universiti Tempatan dan Luar Negara. Tahniah diucapkan kepada para graduan Konvokesyen ke-19 KUIS. Tahniah KUIS.

Pengarang  
Halim Mokhtar





ASASI | DIPLOMA | SARJANA MUDA | SARJANA | PhD



# Mohon Sekarang!

DI SINI LAHIRNYA DA'I, ULAMA & UMARA'

[www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my)

## Kenapa perlu memilih KUIS?

- ▶ 21 tahun pengalaman dalam industri pendidikan tinggi Malaysia
- ▶ Menawarkan 54 program pengajian dalam pelbagai bidang
- ▶ Menerapkan falsafah pendidikan Islam dalam kurikulum dan ko-kurikulum
- ▶ Semua program diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA)
- ▶ Kampus utama yang serba lengkap di Bandar Seri Putra, Bangi
- ▶ Asrama penginapan pelajar disediakan dalam kampus
- ▶ Bantuan kewangan disediakan bagi pelajar yang layak\*
- ▶ Telah melahirkan 15,179 graduan berkualiti (1998 - 2016)
- ▶ 85% graduan berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 1 tahun.
- ▶ Graduan bekerja dalam pelbagai bidang di sektor awam dan swasta

Kemudahan Pinjaman & Tajaan\*



BIASISWA  
KARANGKRAF



## Sila Sebarkan (Viral)

\*Tertakluk kepada terma dan syarat



019 - 389 6937



GPS : 2891029, 101286373



+603 8926 8462



603 - 8911 7000



Pendaftaran Online  
[www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra | 43000 Kajang, Selangor